

SOALAN NO: 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,

PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAPAN LISAN

**DARIPADA : YB UST. DATUK DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN
AMAN RAZALI [KUALA NERUS]**

TARIKH : 19 MEI 2015 (SELASA)

SOALAN :

YB Ust. Datuk Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan-perancangan yang
sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan untuk
membasmi kemiskinan di Terengganu.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) sebanyak RM6.9 bilion peruntukan pembangunan telah diperuntukkan kepada negeri Terengganu seperti berikut:

Tahun	2011	2012	2013	2014	2015	JUMLAH RMKe-10 (2011-2015) RM JUTA
Peruntukan kepada Negeri Terengganu	1,433.9	1,812.5	1,615.4	1,120.3	892.9	6,875.2

Pelbagai program/projek yang telah dan sedang dilaksanakan adalah bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat negeri Terengganu terutamanya dalam mengatasi masalah kemiskinan.

Antara program yang dilaksanakan ialah bantuan perumahan, bantuan kewangan dan aktiviti menjana pendapatan kepada golongan miskin, seperti berikut:

- i. Program Bantuan Rumah (PBR) – Terengganu
 - Sepanjang tempoh RMKe-10, sebanyak 1,929 penerima yang melibatkan 528 rumah (bina baru) dan 1,401 rumah (baik pulih) telah diperuntukkan.

- ii. Amanah Ikhtiar Malaysia (pinjaman mikro kredit)
 - Jumlah pembiayaan terkumpul sehingga November 2014 adalah sebanyak RM1.5 bilion, melibatkan sejumlah 30,213 penerima.

- iii. Program Peningkatan Kapasiti dan Kapabiliti (UPEN, Terengganu)
 - Seramai 2,799 peserta telah mendapat latihan dengan peruntukan sebanyak RM12.7 juta.

Selain itu, dalam RMKe-10, Kerajaan melalui Pihak Berkuasa Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), telah melaksanakan beberapa projek dan program pembasmian kemiskinan bagi membantu meningkatkan pendapatan serta taraf hidup rakyat di negeri Terengganu. Antara projek dan program yang dilaksanakan oleh ECER termasuk Projek Agropolitan Besut-Setiu, Program *empower* ECER, Program *entrepreneur* ECER dan Program Suri@Home yang melibatkan peruntukan sebanyak RM 234.6 juta dan telah memanfaatkan seramai 6,139 masyarakat tempatan.

Inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan ini telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan di Terengganu daripada 68.9 peratus pada tahun 1970 kepada 1.7 peratus pada tahun 2012 dan seterusnya kepada 0.6 peratus pada tahun 2014. Selain daripada itu juga, pendapatan kasar bulanan purata isi rumah di Terengganu telah meningkat daripada RM3,967 pada tahun 2012 kepada RM4,816 pada tahun 2014. Pendapatan median juga telah meningkat dari RM3,034 pada tahun 2012

kepada RM3,777 pada tahun 2014. Penurunan kadar kemiskinan ini beserta peningkatan dalam pendapatan bulanan purata isi rumah, secara umumnya, menggambarkan kejayaan Kerajaan dalam usaha untuk mengurangkan kadar kemiskinan di negeri Terengganu.

Sekian, terima kasih.